

KANAK-KANAK TIDAK TERKAWAL DI MAHKAMAH BAGI KANAK-KANAK DI MALAYSIA

CHILDREN BEYOND CONTROL IN MALAYSIAN COURT FOR CHILDREN

S.N. Aishah S.N. Mohamad

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia
(Email: aishah@unisza.edu.my)

Accepted date: 22-02-2019

Published date: 10-07-2019

To cite this document: S.N. Aishah S.N. Mohamad (2019). Kanak-Kanak Tidak Terkawal di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 62-70.

DOI: 10.35631/ijlgc.415007

Abstrak: Umum mengetahui bahawa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Malaysia mempunyai bidang kuasa ke atas kanak-kanak yang melakukan jenayah dan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan, pengabaian atau salah laku moral. Namun, tidak ramai yang sedar bahawa mahkamah tersebut juga boleh mendengar permohonan terhadap kanak-kanak di luar kawalan ibu bapa atau penjaga mereka meskipun salah laku mereka tidak bersifat jenayah seperti ponteng sekolah, lari dari rumah, balik lewat ke rumah dan mengingkari perintah ibu bapa. Pemberian bidang kuasa ini menandakan campur tangan pihak kerajaan dalam masalah dalaman keluarga khususnya berkaitan hubungan ibu bapa dan anak. Perintah “tidak terkawal” yang dikeluarkan oleh mahkamah akan memindahkan kuasa keibubapaan daripada ibu bapa kandung kepada kerajaan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dasar kepada bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Malaysia dalam mengendalikan kes kanak-kanak tidak terkawal di samping menganalisa sejauh mana mahkamah tersebut boleh campur tangan dalam menyelesaikan masalah salah laku kanak-kanak ini. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan metod kajian perpustakaan dalam pengumpulan data melalui analisa statut, buku, jurnal, laporan, media cetak, prosiding konferens dan lain-lain dokumen. Kajian ini menyimpulkan bahawa pengendalian kes kanak-kanak tidak terkawal oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Malaysia adalah berdasarkan prinsip *parens patriae* yang berasal daripada *English common law* di mana kegagalan ibu bapa dalam mengawal anak mereka membenarkan mahkamah untuk melakukan intervensi.

Kata Kunci: Kanak-kanak Tidak Terkawal, Bidang Kuasa, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, Malaysia, *Parens Patriae*

Abstract: It is well known that the Malaysian Court For Children has jurisdiction over the children who commit crimes and being the victims of abuse, neglect or immoral behaviour. Nevertheless, not many people aware that the court can also hear applications against children

*beyond control of their parents or guardians although their misbehaviour are non-criminal in nature such as truancy, running away from home, coming home late and disobedience of parental orders. This granting of jurisdiction indicates the intervention of government in inter-family conflicts, specifically relating to parent-child relationship. The “beyond control” order made by the court will transfer parental authority from the parents to the government. Therefore, this study is conducted to identify the basis of the jurisdiction of the Court For Children in Malaysia in deciding children beyond control cases and to analyse to what extent the court may intervene in resolving their misbehaviour. To achieve such objectives, this study applies library research method in collecting data by analysing statutes, books, journals, print media, conference proceedings and other documents. This study concludes that the handling of children beyond control cases by the Court For Children is done based on *parens patriae* principle which originates from the English common law whereby the parents failure in controlling their children allows the court to intervene.*

Keywords: *Children Beyond Control, Jurisdiction, Court For Children, Malaysia, Parens Patriae*

Pengenalan

Satu petikan akhbar Malaysia melaporkan:

“A Welfare Department official disclosed that magistrates were ordering children beyond control to serve the maximum three years period in a home when granting applications from parents...in most cases, magistrates didn’t consider the welfare officer’s report recommending counseling as a better solution. The parents say they don’t want their child and the magistrate acquiesces...Why does this happen when Article 40(2)(vii)(b) of the Convention on the Rights of the Child (CRC) states that children should not be subject of any judicial proceedings where possible?... most magistrates were not conversant with the CRC...Suhakam is very apprehensive of fresh law graduates sitting as magistrates. It is quite dangerous in that there could be a miscarriage of justice. When the family is the problem, how does sending a child beyond control to such a place resolve the problem?” (Koshy, 2008).

Penulisan di atas mengkritik bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (“MBKK”) dalam mengendalikan kes kanak-kanak tidak terkawal terutamanya dari aspek mengeluarkan perintah. Ia melaporkan bahawa Majistret sering mengeluarkan perintah penahanan maksimum tiga tahun apabila meluluskan permohonan ibu bapa dan dalam kebanyakan kes Majistret tidak mengambil kira laporan pegawai akhlak yang menyarankan kaunseling sebagai penyelesaian yang lebih baik. Di samping itu, kelayakan Majistret yang kurang pengalaman dan pengetahuan mengenai hak asasi kanak-kanak serta ketidaksesuaian penempatan kanak-kanak tidak terkawal memburukkan lagi keadaan kerana mereka turut dihantar ke rumah anak yatim atau pusat perlindungan bagi kanak-kanak terbiar.

Selain daripada kritikan di atas, pemberian bidang kuasa kepada MBKK sendiri turut menjadi isu memandangkan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-Kanak (“CRC”) melarang kanak-kanak daripada dilibatkan dalam prosiding mahkamah. Kesemua isu ini sebenarnya menjurus kepada satu persoalan utama iaitu memandangkan masalah tingkah laku tidak terkawal merupakan masalah hubungan antara ibu bapa dan anak, maka bagaimanakah campur tangan mahkamah boleh menangani masalah tersebut?

Sementara itu, Child Frontiers (2013) mendapati bahawa walaupun kesesuaian jenis perintah yang dibuat oleh MBKK adalah berdasarkan keseriusan kesalahan, latar belakang dan persekitaran kanak-kanak, namun prinsip-prinsip dan kriteria-kriteria yang dipertimbangkan dalam mengeluarkan perintah tidak dijelaskan sama ada oleh undang-undang ataupun keputusan mahkamah, dan keadaan ini menghasilkan pelbagai interpretasi dan aplikasi oleh MBKK. Tambahnya lagi, prinsip CRC yang menyarankan penempatan di institusi dijadikan sebagai langkah penyelesaian terakhir tidak dipatuhi oleh MBKK secara konsisten.

Bidang kuasa luas MBKK dalam mengeluarkan perintah menimbulkan persoalan kewajaran campur tangan oleh pihak kehakiman dalam isu kegagalan ibu bapa untuk mengawal anak-anak mereka di peringkat institusi keluarga. Sejauh manakah mahkamah perlu terlibat dalam menyelesaikan masalah kekeluargaan dan apakah kesan campurtangan tersebut kepada kebijakan kanak-kanak ini harus diberikan perhatian. United Kingdom sebagai contoh, memandang serius isu ini melalui penggubalan Children Act 1989. Ia memperuntukkan kriteria minimum yang perlu dipenuhi sebelum mahkamah boleh mengeluarkan *care order* atau *supervision order* terhadap kanak-kanak supaya mereka dan keluarga mereka dilindungi daripada intervensi yang berlebihan atau tidak diingini daripada pihak kerajaan (Lowe & Cobley, 2011).

Oleh yang demikian, kajian ini penting dijalankan bagi mengenalpasti dasar yang membenarkan campur tangan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam kes kanak-kanak tidak terkawal di Malaysia dan sejauh mana campur tangan tersebut dibenarkan. Dalam konteks ini, Zakaria (1996) menerangkan bahawa pelabelan kanak-kanak sebagai “tidak terkawal” setelah kes dibawa ke mahkamah merupakan justifikasi di bawah sistem perundangan Malaysia untuk kerajaan bertindak campur tangan.

Maksud Tingkah Laku Tidak Terkawal

Tingkah laku “tidak terkawal” umumnya bererti tingkah laku yang tidak dapat dikawal atau dikendalikan, liar, degil, nakal, ingkar arahan, memberontak, cepat marah, agresif, mudah bergaduh, keras kepala, tidak dapat dipulihkan, anti sosial dan melanggar peraturan (‘Definition of Out of Control in English’, t.t.). Theoharis (t.t.) menjelaskan bahawa kanak-kanak dianggap tidak terkawal apabila mereka berulangkali mengingkari arahan ibu bapa atau penjaganya yang mengakibatkan masalah besar kepada dirinya, penjaganya atau persekitaran yang didiaminya. Walau bagaimanapun, tidak semua pengingkaran membawa maksud tidak terkawal. Menurutnya, beberapa syarat perlu dipenuhi iaitu pertama, tingkah laku tersebut mestilah dilakukan secara berulangkali. Kedua, tingkah laku hendaklah bersifat mengganggu atau merbahaya seperti enggan mematuhi disiplin sekolah. Oleh itu adalah tidak memadai sekiranya kanak-kanak hanya enggan makan sayuran atau tidur pada masa yang ditetapkan oleh ibu bapa. Ketiga, arahan yang diberikan ibu bapa perlulah sah dari segi undang-undang seperti tidak menyuruh kanak-kanak melakukan jenayah.

Di Malaysia, Akta Kanak-kanak 2001 (“AKK”) tidak membekalkan definisi yang jelas mengenai apakah yang dimaksudkan dengan tingkah laku tidak terkawal. Jabatan Kebajikan Malaysia hanya merujuknya sebagai tingkah laku yang mungkin mendorong kepada bahaya jenayah atau bahaya moral (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, t.t.-b). Namun begitu, berdasarkan pemakaian peruntukan yang sama dalam undang-undang terdahulu dan takrifan kesalahan status di kebanyakan negara, beberapa penyelidik membuat tafsiran bahawa tingkah laku tidak terkawal dizahirkan melalui perbuatan-perbuatan seperti lari dari rumah, ponteng sekolah, terlibat dengan dadah, terlibat dalam tingkah laku seksual, seringkali mengingkari

perintah ibu bapa, tidak menghormati ibu bapa dan merempit (Child Frontiers, 2013; Dusuki, 2006).

Senario Kes Kanak-Kanak Tidak Terkawal di Malaysia

Kes kanak-kanak tidak terkawal telah berlaku di Malaysia sejak zaman pemerintahan British berdasarkan kewujudan peruntukannya di bawah Reformatories and Industrial Schools 1890 dan Ordinan Mahkamah Juvana 1947. Jumlah kes didapati meningkat apabila statistik perbandingan yang dikeluarkan oleh JKM bagi tahun 1970 dan 1995 menunjukkan peningkatan kes sebanyak 327.7 % (Sayed Mohd, 1996). Bagi tempoh 10 tahun kemudiannya mulai tahun 1997 hingga 2006, kanak-kanak yang ditempatkan di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (“JKM”) berjumlah seramai 3,558 dengan purata 356 kanak-kanak setahun (Rashid, 2009). Bilangan kes terus meningkat di mana dalam tempoh 8 tahun kemudiannya mulai tahun 2009 hingga 2016, ia mencapai 5,075 orang kanak-kanak dengan purata 634 kanak-kanak setahun. Jumlah kanak-kanak perempuan mencapai 67.24% berbanding kanak-kanak lelaki sebanyak 32.76% sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	BILANGAN KES
2009	227	486	713
2010	215	479	694
2011	205	407	612
2012	283	520	803
2013	213	422	635
2014	201	445	646
2015	173	343	516
2016	169	287	456
JUMLAH	1,686	3,389	5,075

Sumber: (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, t.t.-a)

Prinsip *Parens Patriae*

Parens patriae bermaksud “parent of the country” iaitu bapa kepada negara (‘Legal Definition of Parens Patriae’, t.t.). *Oxford Dictionary* (‘Parens Patriae’, t.t.) menjelaskan bahawa *parens patriae* ialah Raja, kerajaan atau mana-mana kuasa yang berperanan sebagai pelindung sah kepada warganegaranya yang tidak dapat melindungi diri mereka sendiri. Ibu bapa berperanan sebagai wakil masyarakat dalam pemeliharaan kanak-kanak manakala kerajaan berfungsi sebagai pihak yang mempunyai kepentingan utama dan sah dalam asuhan kanak-kanak (Merlo, Benekos & Champion, 2016). Keadaan ini mewujudkan hubungan *fiduciary* atau *trust-like parent-child relation* yang membolehkan kerajaan melaksanakan hak intervensi untuk menghadkan hak ibu bapa. Justice Williams dalam kes *A Local Authority v A'S Father, Mr F, A (Wardship: 17-year-old: s.20 accomodation) [2018] EWHC 1121 (Fam)* menjelaskan bahawa pihak mahkamah secara khususnya mempunyai tanggungjawab untuk memastikan

kanak-kanak dijaga dengan baik dan kebijakan mereka diutamakan. Doktrin *parens patriae* berdiri atas prinsip “*for the best interest of the child*” di mana keputusan mahkamah perlu dibuat bagi mewakili kanak-kanak berdasarkan kepentingan terbaik mereka (Merlo, Benekos & Champion, 2016). Prinsip ini turut diiktiraf oleh CRC. Artikel 5 CRC memperuntukkan bahawa kerajaan hendaklah menghormati tanggungjawab, hak dan tugas ibu bapa untuk menyediakan arah tuju dan panduan yang sewajarnya kepada anak-anak mereka (Cleland & Tisdall, 2005) namun artikel 3 CRC memindahkan tanggungjawab penjagaan kanak-kanak ke atas pihak kerajaan sekiranya ibu bapa atau penjaga gagal berbuat demikian bagi tujuan menjaga kepentingan kanak-kanak (UNICEF, 2009).

Meskipun prinsip asal menggariskan bahawa tanggungjawab keibubapaan disandang oleh ibu bapa, namun dalam keadaan tertentu, ia boleh atau perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti apabila ibu bapa mengabaikan anak mereka atau kanak-kanak membuat kesalahan sama ada dengan mengingkari perintah ibu bapa atau melakukan jenayah (E. Teitelbaum & Gough, 1977). Pengabaian, ketidakpatuhan dan jenayah ini merupakan medium yang boleh memaksa kerajaan melakukan intervensi melalui mahkamah bagi menghalang penganiayaan atau jenayah daripada berlaku.

Penubuhan mahkamah kanak-kanak mempamerkan peranan kerajaan dalam mengambil alih tanggungjawab ibu bapa bagi memastikan kawalan dan disiplin yang diperlukan kanak-kanak dapat diberikan sepertimana ibu bapa sebenar (Naffine, 1992). Ia menggambarkan prinsip *parens patriae* di mana kerajaan bertindak sebagai ibu bapa apabila ibu bapa tidak dapat menjalankan tanggungjawab terhadap anak mereka (Kim, 2010). Oleh itu, bidang kuasa mahkamah kanak-kanak di bawah *parens patriae* adalah terhad di mana tidak semua jenis kes kanak-kanak bermasalah boleh dikendalikannya. Ia hanya boleh mengendalikan kes sekiranya ibu bapa gagal dalam tanggungjawab mereka untuk mengawasi atau mengawal anak mereka. Tanggungjawab mendidik dan menyelamatkan kanak-kanak daripada jenayah pada asalnya terletak di atas bahu ibu bapa tetapi mereka akan kehilangan hak untuk menjaga dan mengawal kanak-kanak sekiranya mereka gagal, tidak berupaya, mengabaikan atau tidak layak menjalankan tanggungjawab (Wang, 1972).

Pemakaian Prinsip *Parens Patriae* di Malaysia

Parens patriae melambangkan tanggungjawab kerajaan dalam menjaga, melindungi dan menjamin kebijakan kanak-kanak termasuk menyediakan perkhidmatan sosial untuk kanak-kanak berisiko seperti kanak-kanak teraniaya, kanak-kanak diabaikan, kanak-kanak miskin dan kelainan upaya (R. Nalasamy & Abu Bakar Ah, 2013). Walau bagaimanapun, doktrin ini hanya terpakai apabila ibu bapa atau penjaga tidak dapat atau enggan menjalankan kewajipan keibubapaan yang mengakibatkan kebijakan kanak-kanak terancam. Situasi ini memberikan hak kepada kerajaan untuk campur tangan dan mengambil langkah-langkah sesuai untuk menjaga kebijakan kanak-kanak tersebut seperti menubuhkan institusi pemulihan (Zakaria, 1996).

Asas utama kepada sebarang perundangan mengenai mahkamah kanak-kanak adalah peranan kerajaan untuk campur tangan dan mengambil alih tanggungjawab penjagaan kanak-kanak yang memerlukan pengadilan (Naffine, 1992). Ia merupakan suatu pendekatan bagi membolehkan kanak-kanak dibantu dengan mengambil alih penjagaan dan memastikan kawalan dapat diberikan sebaik mungkin sepertimana ibu bapa sebenar (Dusuki, 2007). Prinsip *parens patriae* yang membenarkan kerajaan bertindak sebagai penjaga kanak-kanak secara tidak langsung berkait rapat dengan sistem kebijakan kanak-kanak (*child welfare system*). Kerajaan Malaysia mula memberikan perhatian kepada aspek kebijakan selepas era Perang

Dunia Kedua (Sushama, 1992) akibat daripada peningkatan ekonomi yang pesat selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang membawa kepada pelbagai masalah sosial (Dusuki, 2007). Latar belakang mempamerkan bahawa sistem kebajikan kanak-kanak di Malaysia telah wujud sejak tahun 1946 berdasarkan model kebajikan kanak-kanak di Britain pada zaman penjajahan yang dibina atas kepercayaan bahawa pemerintah merupakan “ibu bapa” kepada kanak-kanak yang lahir di negara tersebut (R. Nalasamy & Abu Bakar Ah, 2013).

Sistem keadilan kanak-kanak di Malaysia berbeza daripada sistem keadilan jenayah orang dewasa memandangkan sistem keadilan kanak-kanak dibangunkan khusus untuk kanak-kanak yang meliputi isu-isu yang luas dan kompleks bermula daripada pencegahan melalui hubungan pertama dengan polis, diikuti dengan proses mahkamah, penahanan dan integrasi sosial (Nayagam, 2009). Sistem keadilan kanak-kanak di Malaysia yang bermula pada tahun 1947 dengan penubuhan Mahkamah Juvana di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 (“AMJ”) berkonsepkan “*prevention, treatment and rehabilitation*” (Dusuki, 2007; Rashid, 2009). Penubuhannya membenarkan kanak-kanak yang melanggar undang-undang untuk dikendalikan oleh kerajaan bukan sebagai penjenayah, tetapi sebagai seorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan (Rashid, 2009). Setelah AMJ digantikan dengan AKK, nama mahkamah tersebut ditukar kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk menghapuskan istilah “juvana” yang berbaur negatif bagi membolehkan penekanan lebih positif diberikan kepada mereka yang berumur di bawah 18 tahun (Dusuki, 2007). Di bawah AKK yang bertemakan pelindungan kepentingan kanak-kanak, MBKK diberikan bidang kuasa untuk membicarakan kes yang melibatkan lima kategori kanak-kanak bermasalah iaitu mereka yang melakukan jenayah, mangsa penderaan atau pengabaian, terlibat dengan tingkah laku berunsur seks, mangsa pemerdagangan, dan kanak-kanak tidak terkawal (Dusuki, 2006; Jamaluddin, 2002; Mohd Awal, 2002).

Dalam usaha untuk melindungi kebajikan kanak-kanak, mahkamah boleh sama ada menghadkan atau membatalkan hak yang dimiliki oleh ibu bapa atau penjaga. Pembatasan hak berlaku apabila mahkamah mengenakan perintah seperti meletakkan kanak-kanak di bawah pengawasan pegawai kebajikan atau keluarga angkat, sementara pembatalan hak pula berlaku apabila ibu bapa tidak mahu atau tidak berupaya menjaga kanak-kanak yang mengakibatkan mereka dipindahkan ke institusi kebajikan (Zakaria, 1996).

Secara umumnya, kewajipan kerajaan dalam menjaga kebajikan kanak-kanak di Malaysia di bawah doktrin *parens patriae* diiktiraf dengan meluas oleh undang-undang sivil dalam hak penjagaan kanak-kanak. Kes paling awal direkodkan ialah *Arumugam s/o Seenivasagam lwn Sinnamah (f)* [1959] 1 MLJ 130 di mana hakim menggunakan prinsip dalam kes *In re Spence* (2 Ph 247) yang menjelaskan bahawa intervensi mahkamah dalam kes kanak-kanak boleh dilakukan dalam semua kes pelindungan kanak-kanak berdasarkan peranan mahkamah sebagai *parens patriae*. Prinsip ini disokong oleh kes *W v H* [1987] 2 MLJ 235 bahawa mahkamah mempunyai tanggungjawab khas ke atas kanak-kanak di bawah doktrin *parens patriae*. Selain itu, kes *Indira Gandhi a/p Mutho v Patmanathan a/l Krishnan* [2015] 7 MLJ 153, menyokong prinsip dalam *Mahabir Prasad v Mahabir Prasad* [1981] 2 MLJ 326 bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes penjagaan kanak-kanak di bawah doktrin *parens patriae*. Walaupun begitu, kes *Liew Ju Min v Choo Wee Poh & 2 Ors (and Another Case)* [2017] 5 AMR 356 menggariskan bahawa mahkamah tidak diwajibkan untuk memohon doktrin *parens patriae* dalam semua kes yang melibatkan kanak-kanak, dan tidak semua mahkamah terutamanya mahkamah yang baru ditubuhkan mempunyai bidang kuasa spesifik *parens patriae*.

Prinsip *Parens Patriae* dalam Kes Kanak-Kanak Tidak Terkawal di Malaysia

Secara umumnya, intervensi MBKK dalam kes kanak-kanak tidak terkawal di Malaysia didasari oleh Dasar Kanak-Kanak Negara. Bagi tujuan mencapai objektif kedua untuk melindungi kanak-kanak, kerajaan, melalui salah satu strateginya, bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang “menjadi mangsa penyeksaan, pengabaian, penganiayaan, keganasan, pengeksplorasi dan atau kanak-kanak tidak terkawal...” (‘Dasar Kanak-Kanak Negara’, t.t.). Dasar kerajaan ini dilaksanakan oleh Cawangan Rehabilitasi dan Keadilan Sosial Kanak-Kanak, Bahagian Kanak-Kanak di JKM dan diaplikasi oleh MBKK.

Kanak-kanak tidak terkawal dikendalikan melalui penggubalan seksyen 46 dan 47 AKK. Majistret di MBKK mempunyai bidang kuasa untuk mendengar “permohonan tidak terkawal” yang dibuat oleh ibu bapa atau penjaga dan kemudian mengeluarkan perintah. Walau bagaimanapun, AKK tidak mentakrifkan tingkah laku tidak terkawal. Seksyen 46(1) AKK hanya memperuntukkan bahawa ibu bapa boleh membuat permohonan tersebut sekiranya mereka tidak dapat mengawal kanak-kanak dan kanak-kanak tersebut mula terlibat dalam pergaulan tidak sihat tanpa menerangkan maksud tingkah laku yang tidak dapat dikawal ibu bapa dan pergaulan yang tidak sihat. Oleh yang demikian, Majistret perlu memutuskan sama ada tingkah laku kanak-kanak yang dibuat aduan oleh ibu bapa merupakan tingkah laku tidak terkawal di bawah seksyen 46 AKK. Ibu bapa perlu membuktikan kepada mahkamah bahawa mereka tidak berupaya untuk mengawal atau memulihkan anak mereka meskipun nasihat telah diberikan dan pelbagai langkah telah diambil.

Di samping itu, Majistret juga menentukan jenis “perintah tidak terkawal” yang boleh dibuat setelah menimbang laporan akhlak dan berpuas hati bahawa ia sesuai dan bermanfaat kepada kanak-kanak yang terlibat dan ibu bapa faham tentang akibat perintah serta mengizinkannya (seksyen 46(3) AKK). Majistret boleh mengeluarkan salah satu daripada empat jenis perintah yang disenaraikan oleh seksyen 46(5) AKK iaitu sama ada meletakkan kanak-kanak dalam pemeliharaan orang yang layak dan sesuai, menghantar mereka ke Pusat (tempat perlindungan yang ditubuhkan atau dikendalikan oleh mana-mana orang termasuk Kerajaan Negeri sama ada secara perseorangan atau melalui kerjasama atau usaha sama dengan Kerajaan Persekutuan), menempatkan mereka di Asrama Akhlak (institusi kebajikan awam di bawah kelolaan JKM) atau meletakkan mereka di bawah pengawasan pegawai akhlak. Namun begitu, AKK menyarankan Majistret untuk mengambil kira pemeliharaan berdasarkan keluarga sebagai pemulih terbaik kanak-kanak tidak terkawal sebelum mengeluarkan perintah. Di samping perintah terhadap kanak-kanak, Majistret juga boleh membuat perintah terhadap ibu bapa dengan mengenakan syarat kepada ibu bapa seperti melawat kanak-kanak di institusi secara tetap, menghadiri bengkel interaktif, menghadiri sesi kaunseling, atau berunding dengan guru kanak-kanak sebulan sekali (jika kanak-kanak masih belajar di sekolah) (seksyen 46(7) AKK). Sekiranya ibu bapa gagal mematuhi syarat yang dikenakan, mereka dianggap melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 (seksyen 46(8) AKK).

Kesimpulan

Kanak-kanak tidak terkawal di Malaysia merupakan sebahagian daripada sistem keadilan kanak-kanak yang turut mengendalikan kes kanak-kanak yang melakukan jenayah dan mangsa pengabaian dan penderaan. Penglibatan kanak-kanak tidak terkawal dalam sistem tersebut bermula sebaik sahaja kes mereka mula dirujuk ke mahkamah oleh pihak JKM. Prinsip *parens patriae* digunakan melalui penggubalan bidang kuasa MBKK ke atas kanak-kanak tidak terkawal di bawah AKK. MBKK hanya boleh mengendalikan kes tersebut apabila ibu bapa membuktikan mereka tidak berupaya mengawal anak mereka dan anak mereka terlibat dalam

pergaulan tidak sihat. Namun begitu, kecaburan peruntukan dalam mengenalpasti maksud “tingkah laku tidak terkawal” perlu diberikan perhatian memandangkan ia boleh membawa kepada intervensi yang berlebihan daripada MBKK. Masalah kanak-kanak tidak terkawal merupakan isu dalaman keluarga yang melibatkan hubungan ibu bapa dan anak yang perlu diselesaikan oleh ahli keluarga sendiri sebelum sebarang campur tangan pihak luar boleh dilakukan. Oleh yang demikian, intervensi mahkamah hendaklah menjadi jalan penyelesaian terakhir setelah semua ikhtiar yang dibuat oleh ibu bapa menemui jalan buntu.

Rujukan

- Child Frontiers. (2013). *The Malaysian Juvenile Justice System: A Study of Mechanisms for Handling Children in Conflict with the Law* (UNICEF). Malaysia: Ministry of Women, Family and Community Development and UNICEF Malaysia. Diakses dari www.unicef.org/malaysia/The_Msian_Juvenile_Justice_System_Nov13_R2.pdf.
- Cleland, A., & Tisdall, K. (2005). The Challenge of Antisocial Behaviour: New Relationships between the State, Children and Parents. *International Journal of Law, Policy and the Family*, 19(3), 395–420. Diakses dari <http://doi.org/10.1093/lawfam/ebi029>.
- Dasar Kanak-Kanak Negara. (t.t.). *Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Diakses pada 22 April 2019 dari <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?id=VEliZUhrbWc2VC9wM3hEVWxTWVVFdz09&r=portal/left>.
- Definition of Out of Control in English. (t.t.). *Oxford Dictionaries*. Diakses pada 2 Mei 2019 dari <http://www.oxforddictionaries.com/definition/english/out-of-control?q=out+of+control>.
- Dusuki, F. N. (2006). Implementation of Article 12 in Juvenile Justice System in Malaysia. Diakses dari http://www.crin.org/docs/GDD_2006_UNICEF_Malaysia2.doc
- Dusuki, F. N. (2007). Perkembangan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Malaysia. Dalam *Pentadbiran Keadilan: Artikel Terpilih* (Jil. 3, ms. 125– 155). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- E. Teitelbaum, L., & Gough, A. R. (Penyunting). (1977). *Beyond Control: Status Offenders in the Juvenile Court*. United States of America: Ballinger Publishing Company.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (t.t.-a). Laporan Statistik Kanak-Kanak Tidak Terkawal. Diakses pada 15 Februari 2019, dari http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_jdownloads&Itemid=.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (t.t.-b). Soalan Lazim: Kemasukan Kanak-Kanak Tidak Terkawal ke Institusi JKMM. Diakses pada 15 Februari 2019, dari http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=kemasukan_kanak-kanak_tidak_terkawal_ke_institusi_jkmm&lang=bn
- Jamaluddin, S. Z. (2002). Akta Kanak-Kanak 2001: Implikasinya Terhadap Ibu Bapa, Agensi Kerajaan, Badan Kehakiman dan Media. Dalam *Siri Undang-undang Mimi Kamariah: Akta Kanak-Kanak 2001*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kim, J. J. (2010). Left Behind: The Paternalistic Treatment of Status Offenders Within the Juvenile Justice System. *Washington University Law Review*, 87, 843–867.
- Koshy, S. (2008, September 7). Doing Rights by Child Victims. *The Sunday Star*. Diakses dari <http://www.malaysianbar.org.my>.
- Legal Definition of *Parens Patriae*. (t.t.). Diakses pada 2 Mei 2019, dari <http://legal-dictionary.thefreedictionary.com/parens+patriae>
- Lowe, N. V., & Cobley, C. (2011). The statutory ‘threshold’ under Section 31 of the Children Act 1989 – Time to Take Stock. *Law Quarterly Review*, 127 (Julai), 396–422.
- Merlo, A.V., Benekos, P.J. & Champion, D. J. (2016). *The Juvenile Justice System: Delinquency, Processing, and the Law* (Edisi ke 8). United States of America: Pearson.

- Mohd Awal, N. A. (2002). Child Act 2001: How Far Does it Conform to UNCRC? Dalam *Siri Undang-undang Mimi Kamariah: Akta Kanak-Kanak 2001*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Naffine, N. (1992). Children in the Children's Court: Can There Be Rights Without a Remedy? Dalam *Children, Rights and the Law*. London: Clarendon Press.
- Nayagam, J. (2009). *Strengths and Weakness of the Protection Mechanism and Support System for Reintegration of Children in Conflict with the Law* (Human Rights and the Administration of Justice: A Report of SUHAKAM's Conference held in Conjunction with the 8th Human Rights Day 9 September 2008). Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Diakses dari http://www.suhakam.org.my/c/document_library/get_file?p_1_id=22118&folderId=64628&name=DLFE-5601.pdf
- Parens Patriae. (t.t.). *English Oxford Living Dictionaries*. Diakses pada 2 Mei 2019, dari https://en.oxforddictionaries.com/definition/parens_patriae.
- P.C., Sushama. (1992). The Caring Society: Institutional History and Prospects. Dalam *Caring Society: Emerging Issues and Future Directions*. Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies, Malaysia.
- Rang Undang-Undang D.R. 39/2015. (t.t.). Diakses dari <http://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2015/DR/D.R%2039-2015%28BM%29.pdf>.
- Rashid, M. Z. (2009). *Juvenile Justice in Malaysia: Role of the Department of Social Welfare* (Human Rights and the Administration of Justice: A Report of SUHAKAM's Conference held in Conjunction with the 8th Human Rights Day 9 September 2008). Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Diakses dari http://www.suhakam.org.my/c/document_library/get_file?p_1_id=22118&folderId=64628&name=DLFE-5601.pdf.
- R. Nalasamy, P., & Abu Bakar Ah, S. H. (2013). *Hak Kanak-kanak dalam Jagaan Institusi Awam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sayed Mohd, S. A. R. (1996). Masalah Sosial di Kalangan Remaja dan Tindakan yang Perlu Dilakukan oleh Pelbagai Pihak. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 19(2), 38–46.
- Theoharis, M. (t.t.). Incorrigibility: Juvenile Laws. Diakses pada 2 Mei 2019, dari <https://www.criminaldefenselawyer.com/crime-penalties/juvenile/incorrigibility.htm>
- UNICEF. (2009). *The State of the World's Children-Special Edition: Celebrating 20 Years on the Convention on the Rights of the Child: Executive Summary*. UNICEF. Diakses dari <http://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=TS7mFx9WunQC&oi=fnd&pg=PA2&dq=administration+of+juvenile+justice++%22definition+of+a+child%22&ots=0 cwdSmZEOT&sig=DcdYybS9OWawjSSv78XRFDevgc0>.
- Wang, K. (1972). The Continuing Turbulence Surrounding the Parens Patriae Concept in American Juvenile Courts (Part 1). *McGill LJ*, 18, 219–at.
- Zakaria, A. H. (1996). Institutional Care of Minors: A Discussion of Some Preliminary Issues. Dalam *A Collection of Socio-Legal Essays*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.